

Kos operasi bot tinggi punca ikan kurang di Tok Bali

124 28/11/2022

m.s.: 17.

Kota Bharu: Kos operasi yang tinggi menyebabkan pengusaha bot laut dalam tidak bersempena menambah bot, sekali gus memberi kesan kepada penurunan pendaratan ikan di Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, dekat Pasir Puteh.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata berdasarkan pemerhatian Jabatan Perikanan Kelantan, penurunan nilai mata wang ringgit bukan faktor utama yang mempengaruhi bilangan pendaratan bot nelayan di Tok Bali.

Sebaliknya beliau berkata, faktor lain disebabkan oleh kadar lesen aktif semakin berkurangan dan sukar diperbaharui ekoran kekurangan kru yang mempunyai Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan kapal sedia ada sudah lama.

"Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan Kelantan memperuntukkan sebanyak RM975,000 tahun ini.

"Peruntukan berkenaan bagi membantu dan meringankan kos nelayan dalam sektor perikanan dan juga ternakan akuakultur," katanya pada Per-

sidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan, di sini, semalam.

Sasar 61,000 tan ikan

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising berkata demikian sebagai menjawab soalan Wan Hassan Wan Ibrahim (PAS-Semarak) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di Kota Darulnaim, hari ini, berkenaan tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan pendaratan ikan di Tok Bali.

Tuan Mohd Saripudin berkata, bagi tahun ini, Jabatan Perikanan menyasarkan 61,000 tan pendaratan ikan.

"Sehingga September lalu, pendaratan ikan yang direkodkan bagi empat daerah menunjukkan prestasi yang positif ke arah mencapai sasaran tahunan.

"Kerajaan juga berharap penyelesaian secara lebih holistik dapat diambil bersama dengan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam menghadapi cabaran ini antaranya memperbanyakkan kembali lesen laut dalam dan dibuka semula lesen zon tradisi C serta B," katanya.